Title	Kempen Bulan Bahasa: Dahulu dan sekarang
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1998 Muhammad Ariff bin Ahmad

© Muhammad Ariff Ahmad - 23 Julai 1998
Sambutan BULAN BAHASA 1998 tru BEHA.

KEMPEN BULAN BAHASA
dahulu dan sekarang.

DAHULU (1960-an)..

BAHASA MELAYU JADI BAHASA KEBANGSAAN

Apabila bahasa Melayu diistiharkan sebagai ***Bahasa Kebangsaan Singapura*** pada Jun 1959, murid-murid sekolah diwajibkan belajar bahasa Kebangsaan. Di samping mengambil guru-guru khas bagi pelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan itu, guru-guru dari sekolah Melayu dihantar mengajar bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah bukan-Melayu yang berdekatan dengan sekolahnya, pada waktu murid-muridnya belajar bahasa Inggeris, Sains atau Matematik yang diajar guru-guru dari sekolah Inggeris.

Berpuluh-puluh ribu orang dewasa bukan-Melayu, dengan sukarela, telah masuk belajar bahasa Melayu di kelas-kelas malam yang dianjurkan LGPD (Lembaga Gerakan Pelajaran Dewasa) atau yang dianjurkan institusi-intusi bukan-pemerintah. Kira-kira 300 orang guru-guru Melayu pada masa itu, tidak cukup untuk mengajar di semua kelas bahasa Melayu itu. LGPD telah mengambil banyak pegawai polis, kerani [Melayu], DJ-DJ radio dan orang awam Melayu [yang lulus Darjah V sekolah Melayu] menjadi tenaga pengajar bahasa Melayu di kelas-kelas yang dianjurkannya.

Ketika mengajarkan bahasa Kebangsaan kepada orang dewasa bukan-Melayu itu terdapat juga hal-hal yang lucu, antaranya:

(1) Sepasang suami isteri Canada [saya tak pasti sama ada berbangsa Belanda atau Inggeris] bertanya saya *apa itu terung*. Saya jawab: *terung is **brinjal***. Si suami menggeleng-geleng kepala seraya berkata *"never heared"*. Dua malam kemudian, saya bawa terung betul dan tunjukkan kepada mereka. Si isteri membelek-belek terung itu lalu berkata, *"never seen"*.

(2) Di kelas yang dipenuhi orang dewasa Cina, kita tak boleh menyebut kekata *sifat nama* dan *sifat kata* [istilah tatabahasa]; saya beritahu kawan-kawan supaya menggunakan istilah *rupanama* dan *rupakata* bagi *adjective* dan *adverve*.

(3) Ada pengajar [bukan-guru] yang mengajarkan perkataan berlawan: *dahan* lawan *ranting, buku* lawan *pensel, emak* lawan *bapa* dan lain-lain. Saya beritahu mereka: kalau *emak lawan bapa, tak hairanlah kalau anak-anaknya bertabur ke rumah datuk nenek atau makcik pakciknya.*

Untuk menggalakkan penggunaan *bahasa Kebangsaan,* semenjak 1962, Dewan Bahasa dan Kebudayaan, LGPD dan pertubuhan-pertubuhan yang menganjurkan kelas bahasa kebangsaan itu telah mengadakan *minggu-minggu Bahasa Kebangsaan* dengan mengadakan ceramah-ceramah, peraduan cakap petah dan berdrama dalam bahasa kebangsaan.

Pada Mei 1965, Dewan Bahasa dan Kebudayaan bekerjasama dengan LGPD dan LTK (Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Kebudayaan Melayu) telah menganjurkan *Minggu Bahasa Kebangsaan.* Dan, pada November tahun itu DBK, LGPD dan LTK telah menganjurkan *Bulan Bahasa Kebangsaan* bagi kali yang pertama.

SEBELUM SEKARANG (1970-an)

BAHASA MELAYU JADI BAHASA KEDUA

Pada 1966 Sistem Pelajaran Kebangsaan [menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pelajaran dan bahasa-bahasa ibunda: Melayu, Mandarin dan Tamil diajarkan sebagai bahasa Kedua] telah diperkenalkan. Adapun tujuan bahasa Kedua itu diajarkan ialah untuk melestarikan budaya dan tradisi bangsa penutur bahasa itu. Maka tinggallah hanya anak-anak Melayu sahaja yang wajib belajar bahasa Melayu. Kelas-kelas bahasa Melayu LGPD pun turut merosot.

Pada 1980 MP (Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Kebudayaan Melayu Singapura) telah menganjurkan kerabatnya mengadakan kempen *Bulan Bahasa Melayu,* dengan tema **gunakan bahasa Melayu yang betul.** Tema ini dikemukakan MP kerana ia mendapati kebanyakan Melayu terpelajar [sekarang disebut *karyawan*] kekok berbahasa Melayu.

SEKARANG (1990-an)..

BAHASA MELAYU BALIK JADI BAHASA MELAYU

Mulai 1988, JBMS (Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura) [yang semenjak 1992 telah dipinda menjadi MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA], telah menganjurkan *Bulan Bahasa Melayu* buat kali yang kedua [sebagai keterusan BBM 1 yang dianjurkan MP pada 1980] dengan tema ***gunakan bahasa Melayu yang baik.*** BBM 88 anjuran JBMS itu dikenal sebagai BBM 1.

Semua pertubuhan Melayu termasuk MP dan sekolah-sekolah dilibatkan dalam kempen itu. Tema *Bahasa Melayu yang baik* itu termasuk tatabahasa baku dan ejaan baru yang telah mula digunakan di Singapura semenjak 1977. Kegiatan-kegiatan bahasa seperti mengadakan peraduan-peraduan *pidato, bercerita* [bagi kanak-kanak], *berbahas, berpantun, ceramah dan simposium bahasa* telah dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu

BBM 2 telah diadakan JBMS pada 1990. BBM 2 telah memperkenalkan sebutan baku bahasa Melayu kepada masyarakat pengguna bahasa Melayu.

BBM 3 yang diadakan pada 1992 telah mengadakan *Simposiom Sebutan Baku* bagi guru-guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah dan bagi pengguna bahasa Melayu umum. Kesan BBM 92 itu mendorong Pemerintah telah mengarahkan supaya *Sebutan Baku* diterapkan dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah mulai 1993.

Pada 1993, MBMS (Majlis Bahasa Melayu Singapura) telah mengeluarkan *Anugerah Persuratan (Tun Seri Lanang)* kepada jasawan persuratan, *Anumerta* kepada jasawan persuratan yang telah meninggal dunia, dan *Hadiah Sastera* kepada penulis yang karyanya dianggap bermutu. MBMS telah menetapkan juga supaya BBM diadakan pada tahun-tahun genap dan Anugerah Persuratan diberikan pada tahun-tahun ganjil.

BBM 4 disempurnakan pada tahun 1994.
Anugerah Persuratan 2 disampaikan pada tahun 1995.
BBM 5 digiatkan pada tahun 1996.
Anugerah Persuratan 3 disampaikan pada tahun 1997, dan..
BBM 6 diadakan pada tahun ini, insya Allah diadakan pada Ahad 28 Jun 1998 ini, disiarkan langsung menerusi TV12. **Sekian.**